

12 MAR 1997

Mahathir-Forum

DR MAHATHIR MENGHADIRI DIALOG FUKUOKA

PETALING JAYA, 12 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasarnya bertajuk "Abad Digital: Peluang-peluang Kerjasama Antara Jepun Dan Malaysia" di Dialog Fukuoka, dalam satu forum antarabangsa di Kyushu, Jepun, pada 28 Mac.

Dr Mahathir, yang akan melakukann lawatan rasmi lima hari ke Jepun mulai 25 Mac, telah bersetuju untuk berucap di forum itu yang akan dirasmikan oleh rakan sejawatannya, Ryutaro Hashimoto.

Bercakap di satu sidang berita di sini hari ini, presiden Asian Strategy and Leadership Incorporated Sdn Bhd (ASLI), Encik Mirzan Mahathir berkata forum itu yang akan dihadiri 1,800 ahli perniagaan dan usahawan Jepun akan diadakan di Dewan Simfoni Fukuoka.

Ia anjuran bersama ASLI dan Pusat Perniagaan Asia serta sebuah syarikat akhbar, Nishinippon Newspaper Co Ltd, kedua-duanya dari Fukuoka.

Menurut Mirzan penceramah terkemuka lain yang turut diundang dari Malaysia ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng; Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid; dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multi Media (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dialog itu, katanya, bertujuan antara lainnya merapatkan hubungan ekonomi dan perniagaan antara Jepun dan Malaysia serta menggalakkan industri kecil dan sederhana Jepun melabur di Malaysia.

Beliau berkata selain memupuk hubungan antara negara-negara Asia dan Jepun, forum itu akan meningkatkan penyertaan Jepun dalam Koridor Raya Multi Media (MSC) dan mewujudkan kerjasama strategik dan usaha sama antara syarikat-syarikat Jepun dan Malaysia dengan tumpuan khas diberi kepada bidang-bidang berkaitan dengan teknologi maklumat.

Mirzan berkata dengan memberikan tumpuan kepada cabaran yang dialami oleh Asia dalam abad digital, perbincangan akan dipusatkan kepada kewujudan realiti korporat dan bagaimana kerjasama strategik dan hubungan rapat antara Asia dan Jepun dapat mengharungi cabaran-cabaran era ledakan maklumat, khususnya antara Malaysia dan Kyushu.

"Peluang-peluang daripada MSC bagi Kyushu dan Malaysia akan juga diketengahkan memandangkan masyarakat perniagaan Jepun di Kyushu telah memberikan sokongan terhadap konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur yang diperjuangkan oleh Dr Mahathir," katanya.

Presiden Pusat Perniagaan Asia, Encik Kenji Takimoto, berkata satu sesi khas mengenai MSC akan diadakan pada hari berikutnya (29 Mac) dengan Dr Othman membentangkan satu kertas kerja bertajuk "Koridor Raya Multimedia (MSC) - Peluang Bertaraf Dunia bagi Ahli Perniagaan Jepun". -- BERNAMA

ZAB OBA